



TEKS UCAPAN

**YANG BERTAMBAH DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN
PERTUBUHAN PELADANG NEGERI (PPN)
PULAU PINANG KALI KE-48 TAHUN 2022**

8 SEPTEMBER 2022

(9.30 PAGI)

**PENANG GOLF RESORT,
BERTAM**

Terima kasih saudara pengacara majlis,

YANG BERBAHAGIA DATO' AZULITA BINTI SALIM

Ketua Pengarah, Lembaga Pertubuhan Peladang

YANG BERHORMAT KHALIQ MEHTAB BIN MOHD ISHAQ

ADUN Bertam

YANG HORMAT DATO' HAJI ZAMRI BIN YAAKOB

Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah, Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS)

YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI ISMAIL BIN UMAR

Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah, Pertubuhan Peladang Negeri Pulau Pinang

YANG DIHORMATI ENCIK FITRISUBROTO BIN YAHMIN

Pengarah, Lembaga Pertubuhan Peladang Negeri Pulau Pinang

YANG BERUSAHA ENCIK ZULKIFFLI BIN MUHAMMAD

Pengurus Besar, Pertubuhan Peladang Negeri Pulau Pinang

Barisan Ahli Jemaah Pengarah, Pertubuhan Peladang Kebangsaan, Pertubuhan Peladang Negeri Dan Kawasan

Ketua-Ketua Cawangan Lembaga Pertubuhan Peladang Negeri Pulau Pinang

Rakan-Rakan Media

Seterusnya Dato'-Dato', tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian

1. Saya mendengar dengan teliti beberapa saranan yang dibuat oleh Datuk Ismail bukan sahaja melalui ucapan tetapi sepanjang perjalanan dari Lapangan Terbang Pulau Pinang hinggalah ke Kelab Golf Bertam ini. Dan saya catat dalam nota saya di sini kemudian mendapat catatan daripada KP LPP beberapa fakta tetapi yang jelasnya kita mempunyai aspirasi yang sama iaitu untuk melihat kebajikan, status peladang negara kita ni mengambil perhatian sepenuhnya oleh kerajaan. Dan keterlibatan para peladang dalam industri agromakanan dapat menjamin kelangsungan sekuriti makanan negara.
2. Ini merupakan aspirasi negara kita bersama. Dalam untuk mencapai aspirasi ini tentu sekali langkah dan dasar perlu dilakar bersama. Keterlibatan peladang ada dalam urusan mendekati peladang dengan MAFI akan mempercepatkan aspirasi pencapaian matlamat kita untuk melihat aspirasi kerajaan untuk peladang dan sekuriti makanan negara. Sejak di Kementerian ini dua tahun yang lalu, ini merupakan antara perkara yang telah menjadi tumpuan kami di MAFI. Sebab itu, beberapa pendekatan baru yang kita ambil. Antaranya adalah untuk melihat dari segi peraturan dan undang-undang yang di bawah bidang kuasa Menteri.
3. Sebab itu, saya mengambil langkah awal untuk memastikan peraturan telah diambil bagi mengembalikan kuasa yang lebih luas kepada peladang dan ahli-ahli peladang. Kalau dulu lantikan Menteri lebih ramai daripada yang dipilih oleh peladang. Saya kembalikan kuasa itu kepada peladang dan lantikan menteri itu Cuma tinggal 6 daripada 17 Ahli Jemaah Pengarah. Yang itu telah kita buat. Satu kita melihat beberapa pendekatan untuk memastikan ahli lembaga pengarah mempunyai komitmen yang tinggi ke arah pertubuhan sepenuhnya.
4. Sebab itu kita berbincang di peringkat Kementerian untuk mengehadkan tempoh memegang jawatan dan juga tempoh layak untuk kekal sebagai Ahli Jemaah Pengarah. Jadi itu merupakan langkah-langkah yang diambil untuk menambah baik tetapi kalau ada saranan untuk tambah baik selagi-lagi tambah baik semula langkah-langkah yang diambil itu saya dengan KP LPP sedia untuk mendengar dan berbincang.
5. Begitu juga melihat bahawa NAFAS ini perlu diperkasakan dari segi *businessnya*. Sebab itu apabila duduk di bawah Kementerian ini saya mengambil langkah untuk melihat pengagihan benih padi sah itu, diberi sepenuhnya kepada NAFAS yang sebenarnya NAFAS tidak pernah minta dan mohon. Tetapi saya melihat bahawa *we should give try* satu percubaan bagi peluang kepada NAFAS untuk menjadi pengedar dan saya pilih untuk melantik NAFAS sebagai pengedar tunggal pada ketika itu.
6. Tetapi tentu sekali, langkah itu dibuat adalah untuk memastikan industri penghantaran benih padi itu lancar, sempurna, efisien dan sebagainya. Itu niat kita tetapi selepas satu musim kita melihat, kita perlu tangguh dahulu

niat untuk melantik NAFAS sebagai pengedar tunggal kerana aspek lagi besar, niat lebih besar perlu kita utamakan. Sebab itu kami di pihak MAFI mengambil langkah untuk membuka semula, menarik semula pengedar tunggal. Syukur, ia berjalan dengan baik. Tetapi tidak menghalang untuk kita berbincang dengan NAFAS bagi NAFAS membuat pelaburan yang lebih besar daripada menjadi pengedar tunggal benih padi. Sebab itu, saya ingin melihat NAFAS ini diperkasakan *business-business*, perniagaan yang dilibat serta oleh NAFAS itu harus menjadi satu pelaburan dapat memberi pulangan yang lebih lumayan.

7. Saya berbincang dengan Datuk Zamri agar NAFAS ini bukan sahaja terlibat pengedar tunggal pengedar benih padi tetapi menjadi pengeluar benih padi yang sah. *It's a bigger business, don't confine* kepada *business* pengeluar benih padi yang sah. NAFAS ada kapasiti untuk menjadi pengeluar dan bersaing dengan pengeluar-pengeluar benih padi sah. Itulah yang kita bincangkan. Jadi bukan menjadi pengedar tunggal tetapi kita tambah baik kepada peluang yang lebih besar menjadi pengeluar benih padi sah.
8. Saya rasa Datuk Zamri dan kepimpinan agensi NAFAS pada ketika ini sedang dalam usaha untuk mencebur diri dalam perniagaan benih pengeluaran benih padi sah. Jadi, walaupun pengedar tunggal itu kita tarik tetapi kita lakar dan bagi peluang kepada NAFAS dalam *business* padi yang lebih besar.
9. Jadi, itulah yang kita buat di MAFI ini. Kita ingin melihat NAFAS akan terus menjadi pemain utama dalam sektor agromakanan negara kerana NAFAS merupakan satu pertubuhan yang besar melibatkan ramai orang dan strukturnya berada di peringkat nasional, negeri dan bawah cawangan. Jadi, itu beberapa langkah saya mendengar hasrat dan niat Pengerusi, Datuk Ismail untuk beberapa perkara termasuk tender, hak untuk mendapatkan peluang yang ada di Kementerian dan Industri Padi Beras dan sektor agromakanan. Sebahagian besar daripada itu di luar bidang kami di MAFI tetapi tertakluk kepada tatacara kawalan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan.
10. Walau bagaimanapun kita bersedia untuk berunding sampaikan hasrat saudara saudari sekalian untuk pertimbangan Kementerian Kewangan. Jadi, ada beberapa tatacara dan permohonan yang di luar bidang kuasa kita di MAFI tetapi kita akan angkat untuk pertimbangan. Saya tahu masalah komponen baja yang kian meningkat begitu tinggi menjejaskan tempoh nilai yang ada pada NAFAS yang diberi lima penggal, lima musim sekarang ini.
11. Kenaikan kos komponen baja yang diimport dari luar menyebabkan NAFAS tidak mampu untuk mengeluarkan baja untuk tempoh lima musim. Yang ini pun telah kita bincang di peringkat Kementerian Kewangan. YAB Perdana Menteri juga maklum akan perkara ini. Saya yakin MOF sedang dalam usaha untuk menimbang semula kontrak lima musim yang diberikan kepada

NAFAS disesuaikan dengan kenaikan kos input yang begitu ketara sekali pada ketika ini. Jadi, itu *in the pipeline*. Saya tidak boleh bercakap hari ini dan lulus. Jadi, kita kena bincang dengan MOF.

12. Saya rakamkan penghargaan dan terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan dapat kita sama-sama hadir pada pagi ini dalam Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan PPN Pulau Pinang kali ke-48.
13. Terima kasih kepada pihak penganjur, sekalung tahniah dan syabas kepada semua yang terlibat atas usaha dan komitmen dalam menjayakan majlis ini dan tahniah jua kepada para perwakilan yang terus komited menunaikan tanggungjawab sempena mesyuarat agung pada kali ini.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

14. Pada kesempatan ini, masih belum terlewat kiranya saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berbahagia Dato' Haji Ismail bin Umar atas pemilihan sebagai Ahli Jemaah Pengarah NAFAS semasa Mesyuarat Agung Tahunan NAFAS yang lalu. Tahniah Datuk!
15. Sebagai orang lama yang terlibat dan berpengalaman dalam sektor pertanian serta berkecimpung dalam aktiviti Pertubuhan Peladang, saya percaya beliau dapat terus memainkan peranan yang cukup berkesan bersama ahli-ahli Jemaah Pengarah yang lain bagi meningkatkan lagi prestasi NAFAS dan juga pergerakan Pertubuhan Peladang secara keseluruhannya. Tahniah saya ucapkan!
16. Seperti yang kita semua sedia maklum, kira-kira 2 hingga 3 tahun yang lalu merupakan antara tempoh yang cukup mencabar terutama dalam usaha negara membendung pandemik COVID-19 yang memberi kesan langsung kepada ekonomi dan semua lapisan masyarakat termasuk punca pendapatan, aktiviti pertanian dan perniagaan yang terpaksa dilaksanakan dalam keadaan yang dikawal dan terhad.
17. **Walau bagaimanapun**, PPN Pulau Pinang telah berjaya melaksanakan aktiviti pertanian dan perniagaan dengan jumlah pendapatan yang sangat memberangsangkan iaitu melebihi 16 juta ringgit dan memperolehi keuntungan melebihi 1.24 juta ringgit. Sekali lagi, Syabas dan tahniah atas pencapaian tersebut!
18. Keuntungan yang diperolehi ini sudah tentu memberi manfaat sama ada secara langsung mahupun tidak langsung kepada ahli-ahli peladang di mana di Pulau Pinang sahaja ahlinya kini mencecah seramai 21 ribu orang. **Ramai ini**.
19. Saya yakin dan percaya, pencapaian ini merupakan antara petanda awal yang positif ke arah kepimpinan dan pengurusan yang lebih mantap

dan efisien serta dapat terus mendepani segala cabaran dengan baik, seterusnya menghasilkan impak yang membanggakan.

20. Saya difahamkan, PPN Pulau Pinang telah terlibat dalam pelbagai aktiviti dalam rangkaian pengeluaran makanan termasuk perkhidmatan kejenteraan ladang.
21. Daripada keseluruhan keperluan jentera sawah Pulau Pinang seperti aktiviti membajak dan menuai, PPN Pulau Pinang telah berjaya membekalkan hampir 40% daripada keperluan kejenteraan sawah pada kadar caj yang berpatutan. Jentera PPN memenuhi/menikmati kontrak jentera dibawah Kementerian/Agensi yang lain.
22. Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui LPP turut memperkasa usahawan-usahawan dalam bidang perkhidmatan Kejenteraan ladang melalui Skim Pemilikan Jentera dan Peralatan Kecil Peladang bagi meningkatkan pemilikan jentera dan peralatan kecil dalam kalangan peladang. Kita ada program untuk terus membantu PPN PPK bagi memperkasakan perolehan jentera dan jadikan itu sebagai bidang perniagaan bagi keperluan kepada PPK, PPN.
23. Skim ini selaras dengan aspirasi Kerajaan untuk mentransformasi sektor agromakanan supaya menjadi lebih moden, maju dan berdaya saing di samping mengurangkan kos pengeluaran para peladang. Jadi saya berada di MADA baru-baru ini MADA juga ada entiti perniagaan yang baharu *service provider dron*, perairan Muda, itu yang saya nak lahirkan daripada peladang.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian,

24. Selain perkhidmatan kejenteraan, PPN Pulau Pinang juga mempunyai 'Peladang Outlet' bagi mempromosi dan memasarkan produk-produk hasil keluaran Pertubuhan Peladang dan ahli-ahli dengan menggunakan jenama PELADANG.
25. Kerjasama seumpama ini mampu meningkatkan daya saing produk-produk hasil keluaran Pertubuhan Peladang supaya setanding dengan jenama-jenama lain yang berada di pasaran seiring dengan keperluan pengguna semasa.
26. Sokongan berterusan daripada ahli-ahli peladang juga penting untuk Pertubuhan Peladang dan ahli-ahli bangkit bersama menempa kejayaan melalui produk-produk keluaran PELADANG.
27. Melangkah ke hadapan, MAFI sedang dan terus menerajui Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) bagi memodenkan sektor agromakanan negara sejajar dengan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) bagi memastikan sektor

ini kekal mampan mendepani cabaran globalisasi dan persaingan dalam pasaran terbuka.

28. Malah, cabaran globalisasi semasa juga memerlukan negara meningkatkan produktiviti dan mengurangkan kos pengeluaran khususnya melalui adaptasi teknologi IR4.0 dan pengamalan budaya inovasi dalam sektor agromakanan negara.
29. Dalam hal ini, saya menyeru agar rangkaian Pertubuhan Peladang di seluruh negara termasuk PPN dan PPK sentiasa meningkatkan daya inovasi bagi terus meneroka teknologi pertanian baharu dan moden bagi membantu para peladang meningkatkan hasil keluaran sekaligus menyumbang kepada jaminan Sekuriti Makanan Negara.
30. Saya yakin, PPN Pulau Pinang akan terus meneroka peluang-peluang perniagaan melalui penglibatan yang lebih agresif dalam keseluruhan rantai nilai agromakanan sesuai dengan perkembangan teknologi semasa.
31. Pada masa yang sama, pembangunan pertanian juga akan terus dilaksanakan untuk memberi manfaat kepada Keluarga Malaysia khususnya para pesawah di Kawasan Muda melalui Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) antaranya Program Penanaman Padi Lima (5) Kali dalam Tempoh Dua (2) Tahun yang dicadang untuk dilaksanakan pada bulan Disember 2022 sebagai musim penanaman tambahan.
32. Program rintis ini akan melibatkan kawasan seluas 1,220 hektar sawah padi dan dijangka dapat meningkatkan pendapatan 628 pengusaha sebanyak 25 peratus berbanding pendapatan mengusahakan 4 kali untuk 2 tahun serta sumbangan pengeluaran padi Kawasan Muda juga akan meningkat sebanyak 2.02 juta tan metrik dengan nilai pengeluaran sekurang-kurangnya 3.15 bilion ringgit.
33. Usaha ini adalah selaras dengan manifestasi dan komitmen Kerajaan dalam menyokong apa jua usaha bagi memperkasa golongan pesawah mahupun Pertubuhan Peladang menjadi sebuah entiti yang kompeten dan berdaya saing dalam sektor agromakanan negara dengan tadbir urus yang lebih baik di setiap peringkat. Jadi, di MADA kita akan mulakan projek rintis bagi menanam padi 5 kali 2 tahun.
34. Semalam dalam perbincangan dengan MOF, MOF pada dasarnya bersetuju untuk dilaksanakan seawal bulan Disember mulakan projek rintis ini akan memberi peluang *service provider* pada lebih ramai entiti-entiti yang memberi *service provider* lebih ramai sekaligus akan meningkatkan hasil beras yang dapat dikeluarkan daripada projek/program 5 kali 2 tahun penanaman padi jika ia dapat diselaraskan di seluruh kawasan padi dan saya yakin SSL beras

kita akan meningkat, sesuai dengan aspirasi kita untuk menjadikan SSL mencecah 80 peratus menjelang 10 tahun akan datang.

35. Jadi ini, merupakan program untuk memastikan kelangsungan sekuriti makanan negara dalam keadaan geopolitik yang ada sekarang, dalam keadaan peningkatan kos input yang agak ketara dan keadaan perubahan iklim tentu sekali negara ingin keluar dari bergantung bekalan makanan daripada luar dan mengeluarkan makanan di negara sendiri ini antara pendekatan-pendekatan yang telah kita ambil dalam pelbagai sektor bagi memastikan sekuriti makanan dan bekalan negara terjamin dan sesuai kehendak memastikan kebergantungan kepada luar dapat dikurangkan.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian,

36. Saya tidak berhasrat berucap lebih panjang, sekali lagi saya ucapkan tahniah dan syabas kepada seluruh para perwakilan Mesyuarat Agung Tahunan PPN Pulau Pinang yang hadir bagi menunaikan tanggungjawab Dato'-Dato', tuan-tuan dan puan-puan sekalian.
37. Terima kasih kepada barisan Kepimpinan dan Pengurusan PPN Pulau Pinang khususnya Yang Berbahagia Dato' Haji Ismail bin Umar, menjemput saya merasmikan Mesyuarat Agung pada hari ini serta pelbagai Jabatan, Agensi dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Mesyuarat Agung Tahunan PPN Pulau Pinang pada hari ini.

Saudara-saudari sekalian,

38. Saya harapkan agar hubungan baik antara PELADANG, PPN, PPK, NAFAS dengan MAFI akan terus dikekalkan bagi kita sama-sama mengangkat martabat peladang dan juga memastikan kelangsungan sekuriti makanan negara. MAHA kita tampilkan peladang sebagai *the frontliner in the sector*, tempat yang depan bagi menghargai *frontliner* dalam sektor agromakanan,
39. Kita ingat lagi PKP, darurat dan sekatan, sektor ini merupakan antara industri yang dibenarkan, kita lihat industri ini perlu dalam apa jua keadaan bagi memastikan bekalan makanan terjamin.
40. Kita telah memainkan peranan dalam tempoh 2 tahun, kita antara negara yang boleh bangga dengan keadaan walaupun dalam PKP, tidak menghadapi kekurangan bekalan, malah lambakan beberapa makanan yang berlaku, ketika kita berhadapan dengan PKP tetapi kita tidak pernah berdepan dengan masalah kekurangan makanan, itu merupakan kejayaan kita bersama, dasar yang kita ambil dan penglibatan dan komitmen para peladang jelas dalam memastikan sekuriti makanan negara terjamin.

41. Dengan harapan sedemikian, saya dengan sukacitanya merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan PPN Pulau Pinang Kali Ke-48 Tahun 2022.

Sekian, terima kasih.